

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN KONTRAK TAHUN 2023  
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>GOOGLE FORM</b>
1.	PEMBANTU KESELAMATAN	KP19	<a href="https://forms.gle/HN7A1Tw9boof6nxR9">https://forms.gle/HN7A1Tw9boof6nxR9</a>

**TARAF JAWATAN : KONTRAK**  
**TERMA LANTIKAN : SEPENUH MASA**  
**TARIKH TUTUP IKLAN : 1 DISEMBER 2023**

**CARA MEMOHON**

Pemohon dikehendaki mengisi *Google Form* (pautan disertakan diatas) bersama borang **Permohonan Jawatan Kumpulan Pelaksana** (yang berkaitan dengan jawatan) dan sertakan dokumen-dokumen seperti Senarai Semak Temuduga yang dilampirkan.

Perhatian:-

- a. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima atau tidak mengikut peraturan memohon boleh menyebabkan permohonan tidak akan dilayan;
- b. Hanya calon yang dipilih dalam saringan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga;
- c. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Sebarang pertanyaan, mohon hubungi Unit Sumber Manusia di [job\\_hpupm@upm.edu.my](mailto:job_hpupm@upm.edu.my) atau 03-9769 9074/9019/9023.

**JAWATAN: PEMBANTU KESELAMATAN KP19**

**Kumpulan** : **Pelaksana**  
**Gaji Pokok** : **RM1,360.00**

**SYARAT LANTIKAN**

1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia; dan
- b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c)
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00) atau
  - ii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.  
(Gaji Permulaan pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
  - iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan pada Gred KP10: RM1,416.40); atau
  - iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
(Gaji permulaan pada Gred KP19: RM1,472.80); dan
- d) memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
  - i. Tinggi sekurang-kurangnya 1.62m bagi lelaki dan 1.52m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - ii. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
  - iii. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) diantara julat 19 hingga 26;
  - iv. Mempunyai sekurang-kurangnya 79cm ukuran dada yang biasa dan 84cm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
  - v. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

- vi. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
  - vii. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar
- e) Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI**

Calon yang pernah atau sedang berkhidmat sebagai Polis Bantuan atau mempunyai Sijil Tamat Lathan Kursus Asas Polis Bantuan akan diberi keutamaan.

#### **RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset Kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis Kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).